

Pk. P.U. 27.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kehendak pelesenan
4. Prosedur pelesenan
5. Pertukaran keempunyaan anjing yang berlesen
6. Kehilangan lencana logam
7. Pemakaian kolar anjing dan lencana logam
8. Tanggungjawab pemunya
9. Pembinasaan
10. Bilangan anjing yang dibenarkan
11. Pelesenan tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksu komersil
12. Penalti

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Kerian) 2004**.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“doktor veterinar” ertinya doktor veterinar sebagai mana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974 [*Akta 147*];

“lencana logam” ertinya lencana logam yang disebut dalam perenggan 4(2)(b);

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kerian;

“pegawai pelesenan” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Majlis bagi maksud melaksanakan peruntukan undang-undang kecil ini;

“pemunya” berhubung dengan seekor anjing, ertinya seseorang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu, tetapi dalam hal terdapat keraguan tentang keempunyaan seekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang lazimnya memberi makan kepada anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunanya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

“rumah anjing” ertinya tempat anjing dipelihara atau disimpan, termasuklah tempat anjing dirawat;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan termasuklah Setiausaha.

Kehendak pelesenan

3. (1) Tiada seorang pun boleh memelihara, menyimpan, melindungi atau menyenggara seekor anjing yang telah mencapai usia tiga bulan melainkan jika ia telah dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Lesen hendaklah habis tempoh pada 31hb Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

Prosedur pelesenan

4. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam apa-apa borang yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan fi untuk lesen sebanyak sepuluh ringgit.

(2) Selepas menerima permohonan dan fi untuk lesen, pegawai pelesenan hendaklah—

- (a) mendaftarkan anjing yang berkenaan dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dalam daftar yang disimpan bagi maksud perihalan anjing itu dan nama serta alamat pemunyanya;
- (b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang bersamaan dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan
- (c) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu resit bagi fi yang telah dibayar, yang mengandungi perihalan anjing itu dan tandatangan pegawai pelesenan tersebut.

Pertukaran keempunyaan anjing yang berlesen

5. Jika terdapat pertukaran keempunyaan anjing berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam masa seminggu dari tarikh pertukaran itu, memberitahu pegawai pelesenan mengenai pertukaran itu dan pegawai pelesenan hendaklah mendaftarkan nama serta alamat pemunya baru itu dengan percuma.

Kehilangan lencana logam

6. (1) Jika sesuatu lencana logam yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hilang, pemunya boleh membuat permohonan kepada Majlis untuk mendapatkan suatu lencana logam gantian apabila dibayar fi sebanyak sepuluh ringgit dan pegawai pelesenan hendaklah, setelah berpuas hati tentang kehilangan itu, mengeluarkan satu lencana logam gantian yang mempunyai kesan yang sama dengan yang asal.

(2) Jika pada bila-bila masa selepas pengeluaran suatu lencana logam gantian, lencana logam yang asal dijumpai, pemunya itu hendaklah mengembalikan lencana logam yang asal itu kepada Majlis dan mananya pemunya yang gagal berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

Pemakaian kolar anjing dan lencana logam

7. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara supaya boleh dilihat apabila dipakaikan kepada anjing itu.

Tanggungjawab pemunya

8. Pemunya anjing hendaklah—

- (a) jika anjing itu berpenyakit, mengambil langkah-langkah dengan seberapa segera yang mungkin untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar, dan tidak membiarkan anjing itu disimpan di premisnya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan di bawah rawatan doktor veterinar;
- (b) menyenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan yang cuci dan bersih;
- (c) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis yang dilepaskan oleh anjing itu, dan berbuat demikian mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin menyebabkan kegusaran atau kesusahan kepada orang lain;
- (d) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menjadi gangguan, disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya, kepada jiran-jirannya; dan
- (e) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunyanya dan bahawa anjing itu berikat tali apabila dibawa keluar dari premis pemunyanya.

Pembinasaan

9. (1) Mana-mana anjing yang berusia lebih daripada tiga bulan yang dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam semasa dan mana-mana anjing berpenyakit yang tidak di bawah rawatan doktor veterinar boleh dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua bagi maksud itu, dan mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis, selain rumah tempat tinggal, bagi maksud mencari, mendapatkan, merampas atau membinasakan anjing itu.

(2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak, yang pemunyanya tidak ditemui boleh dibinasakan atau selainnya dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua bagi maksud itu.

Bilangan anjing yang dibenarkan

10. (1) Pemunya harta yang mempunyai kawasan seluas 930 meter persegi atau kurang tidak boleh menyimpan atau membenarkan disimpan lebih daripada dua ekor anjing di atas hartanya, dan jika kawasan itu adalah lebih daripada 930 meter persegi, kebenaran daripada Yang Dipertua hendaklah diperoleh.
- (2) Tiada anjing boleh disimpan di tingkat atas mana-mana bangunan.

Pelesenan tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksud komersil

11. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana bangunan, premis atau pegangan untuk menyimpan atau membiak anjing bagi maksud komersil, atau sebagai rumah anjing atau klinik veterinar, melainkan jika dilesenkan oleh Majlis bagi maksud tersebut.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dalam apa-apa borang yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan fi untuk lesen sebanyak seratus lima puluh ringgit.

Penalti

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan—

- (a) boleh dikompaun; dan
- (b) apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dibuat 11 Ogos 2004

[MD KERIAN 1555 SJ. 1; PU. Pk. 36/76]

DATO' BASIRAN BIN SABAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
Perak Darul Ridzuan

Disahkan 16 September 2004

[PSUK PERAK (KT-AM) 30/40 Jld. 2 SJ. 1;
 PU. Pk. 36/76]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan